

14 SEP 2002

Khalil-Puteri

KHALIL MINTA PUTERI RUJUK SEGALA KEMUSYKILAN KEPADA J/K PENGURUSAN

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata Raihan Suleiman boleh merujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan parti itu mengenai segala permasalahan yang timbul berikutan hasratnya untuk bertanding jawatan Ketua Puteri Umno pada pemilihan pergerakan itu, 2 Nov ini.

Beliau berkata ini termasuk bagi mendapatkan penjelasan mengenai kelayakannya untuk bertanding berdasarkan peraturan parti.

"Saya tak mahu buat apa-apa andaian. Kalau beliau mahu bertanding dan fikir beliau perlu mendapatkan penjelasan (mengenai statusnya), beliau boleh tulis kepada kita," katanya kepada pemberita di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Raihan bekas Exco Puteri baru-baru ini dilapor mempertikaikan tindakan pihak tertentu mempersoalkan keanggotaannya dalam Puteri Umno. Beliau juga didakwa menjadi Exco Wanita Umno Bahagian Kulim-Bandar Baru di Kedah.

Ditanya tentang laporan polis yang dibuat oleh anggota Puteri Umno, Elly @ Zalilah Yusof berhubung dakwaan penyelewengan harta sayap baru Umno itu, Khalil berkata sebarang perkara yang ada hubungkait dengan parti selok-eloknya dirujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan parti untuk tindakan lanjut.

Sambil berkata tindakan membuat laporan polis merupakan hak individu, Khalil meminta anggota Puteri Umno menunjukkan semangat kekitaan terhadap pergerakan itu.

Dalam pada itu, Khalil berkata Puteri kini mempunyai 93,106 anggota.

Menyentuh mengenai pilihan raya kecil yang akan diadakan bagi kerusi Parlimen Gaya, Sabah, beliau berkata itu terpulang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden Umno untuk menentukan calon parti komponen BN mana yang akan bertanding.

"Kalau ikut calon dulu, SAPP (Parti Maju Sabah). Tapi kami beranggapan, kerana ini kerusi SAPP, mungkin SAPP juga akan bertanding," katanya.

Pilihan raya kecil itu bakal diadakan setelah bekas Ketua Menteri dan presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee disahkan hilang kelayakan sebagai anggota Parlimen Gaya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Khalil berkata Umno akan membantu jentera BN dalam menghadapi pilihan raya kecil berkenaan.

Beliau juga berkata Majlis Tertinggi parti akan mengadakan mesyuarat khas pada 30 Sept ini.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan, berkata dalam mesyuarat itu, Dr Mahathir mungkin antara lain menyebut tentang hasratnya untuk tidak bertanding pada pilihan raya umum akan datang seperti yang diumumkan di Alor Setar semalam.

-- BERNAMA

MAM HK PR